

Pelajar tidak lakukan perbuatan jejaskan nama baik negara, universiti dan ibu bapa

Tumpu pengajian, hindari dakyah negatif

UM 19.09.2012 30

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA

utusansarawak@utusan.com.my

LABUAN 11 Sept. - Pelajar baru Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dinasihatkan tidak mudah terpedaya dengan dakyah politik kerana ia boleh menjelaskan tumpuan mereka dalam pelajaran.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, kerajaan memberi ruang dan peluang kepada pelajar meluahkan pendapat mengenai pelbagai isu, namun perlu mengikut saluran ditetapkan pihak universiti.

"Jika pelajar ingin berpolitik, mereka perlu menunggu selepas menamatkan pengajian memandangkan universiti sepatutnya dijadikan ruang dan peluang menambah ilmu pengetahuan," katanya ketika menyampaikan amanat sempena Majlis Suai Mesra Sesi 2012/2013 di Dewan Utama UMS-KAL, baru-baru ini.

Seramai 725 pelajar baru terdiri daripada pernutt tempatan dan antarabangsa menghadiri majlis itu.

Hadir sama, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim; Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL),

Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Syed Zainol Abidin dan Timbalan Penydaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Pada masa sama, Ismail mengingatkan pelajar tidak melakukan perbuatan yang boleh menjelaskan nama baik negara, universiti dan ibu bapa.

Beliau berkata, perbuatan negatif itu hanya merugikan masa depan mereka kerana Kementerian Pengajian Tinggi dan pengurusan universiti tidak teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya terhadap pelajar yang melanggar Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Mengenai kehadiran pelajar baru, Ismail berkata, ia akan membantu mempromosi UMS-KAL dan Wilayah Persekutuan Labuan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan di kampung halaman.

Selain itu, katanya, mereka juga mampu menjana ekonomi khususnya menerusi industri pelancongan, kraftangan, pengangkutan, perhotelan, restoran dan telekomunikasi tempatan selama berada di UMS Labuan.

"Labuan sangat bertuah dengan kehadiran pelajar dari dalam dan luar negara kerana anda turut membantu menjana ekonomi tempatan," katanya.



ISMAIL ALI (dua dari kiri) bersama Awang Asri Awang Ibrahim (kiri) dan Syed Nasirin Syed Zainol Abidin (dua dari kanan) menyanyikan lagu *Bertekad Cemerlang* pada Majlis Suai Mesra Sesi 2012/2013 di Dewan Utama UMS-KAL, Labuan, baru-baru ini.